

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## DURIAN TUNGGAL, MELAKA.

### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :

Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Tarikh Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	UTeM016 / STOR/2010	Sebut Harga bagi Cadangan Membina Stor Sementara dan Kerja-kerja Berkaitan di Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Di Bawah  Kelas F Kepala II Sub-Kepala 5  Atau  Kelas F Kepala IV Sub-Kepala 4a  beralamat di negeri Melaka	Tarikh : <b>7 September 2010</b> Jam : <b>2.00 petang</b> Tempat : <b>Lobi Utama Pejabat Pembangunan, Kampus Induk UTeM</b>  (Kedatangan dan Lawatan Tapak adalah <b>DIWAJIBKAN</b> )	Unit Perolehan, Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka  <b>7 September 2010</b> hingga <b>27 September 2010</b>	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka  <b>28 September 2010</b> (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

Nota : Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor sahaja. Wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa bersama **Sijil Asal dari Pusat Khidmat Kontraktor**. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal PKK, hendaklah membawa bersama **Surat Asal Perwakilan Kuasa yang sah** dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan **Pegawai Eksekutif Syarikat**.

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **26 Ogos 2010** hingga **27 September 2010** semasa waktu pejabat seperti berikut :

Hari	Waktu	Tempat
<b>Isnin hingga Khamis</b>	8.15 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan, Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka
<b>Jumaat</b>	8.15 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	Kampus Induk 76100 Durian Tunggal Melaka.

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan dan dijual pada **7 September 2010** selepas lawatan tapak & taklimat mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **27 September 2010** dengan bayaran **RM10.00** senaskah secara **Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.
4. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Borang pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **28 September 2010**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
6. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utm.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.

**RAZAMAN B. KASSIM**  
Akauntan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



UNIT PEROLEHAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
TEL : 06 – 331 6093 / 6091